

25/08/1998

PM yakin Perodua Kembara laris

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Perodua Kembara yang dilancarkan hari ini mampu mendapat sambutan baik di pasaran tempatan dan luar negara berikutan harganya yang berdaya saing dan bentuknya yang menarik.

Perodua Kembara 1300cc jenis pacuan empat roda itu dijual pada harga antara RM45,898 hingga RM52,276.19 mengikut jenis.

Kereta jenis pacuan empat roda pertama keluaran Malaysia itu adalah kereta Perodua ketiga dilancarkan selepas Perodua Kancil pada Ogos 1994 dan Perodua Rusa pada Mac 1996.

Perdana Menteri bangga kerana Malaysia mampu melancarkan kereta baru jenis pacuan empat roda di tengah-tengah kegawatan ekonomi.

Katanya, pelancaran kereta baru nasional itu membuktikan keadaan ekonomi negara tidak sebegitu buruk seperti yang disangka.

Beliau juga memuji pengurusan Perodua yang begitu agresif mencari pasaran baru dan berharap mereka dapat mencari jalan mengeksport lebih banyak Perodua Kancil, Rusa dan Kembara bagi mendapatkan lebih banyak tukaran asing untuk membantu memulihkan ekonomi negara.

"Saya harap ia boleh dijual. Saya diberitahu 475 unit Perodua Kembara sudah ditempah sebelum pelancaran. Ini menunjukkan rakyat Malaysia walaupun dikatakan bankrap, masih ada `dua, tiga ringgit' untuk beli Perodua Kembara.

"Saya yakin Perodua Kembara mendapat sambutan baik kerana harganya agak murah dalam kategorinya.

"Kita menunjukkan kemajuan. Bagi negara membangun, adalah sesuatu yang membanggakan dapat melancarkan kereta baru ketika gawat," katanya berucap melancarkan logo korporat baru Perodua dan Perodua Kembara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Pada majlis itu, Ketua Eksekutif Agensi Penarafan Kenderaan, Derek Harvey, menyampaikan Sijil ISO 9001 kepada Pengerusi Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), Raja Tun Mohar Raja Badiozaman.

Perdana Menteri juga melepaskan Perodua Kembara untuk perarakan Hari Merdeka.

(END)